

UCAPAN ALUAN

**YANG BERBAHAGIA
DATUK IR. AHMAD 'ASRI ABDUL HAMID
KETUA EKSEKUTIF
CIDB MALAYSIA**

**SEMPENA
SAFETY AND HEALTH ASSESSMENT SYSTEM IN CONSTRUCTION
(SHASSIC) DAY 2020
DAN
MAJLIS PELANCARAN CONSTRUCTION INDUSTRY STANDARD 27
(CIS 27:2019)**

**PUSAT KONVENTSYEN CIDB MALAYSIA
25 FEBRUARI 2020 (SELASA)**

[Salutations to be provided on event day]

Para tetamu kehormat,

Wakil-wakil media,

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Ilahi, kerana dengan limpah rahmat, izin dan kurnia-Nya dapat kita bersama-sama hadir di Majlis **SHASSIC Day 2020** dan **Pelancaran Construction Industry Standard on Occupational Safety and Health Specification and Bill of Quantities for Construction Works (CIS 27:2019)** pada hari ini.
2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Ir. Dr. Meor Abdul Aziz Bin Osman, Pengurus CIDB Malaysia kerana ada bersama-sama kita untuk melancarkan program pada hari ini.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

KUALITI, KESELAMATAN DAN PROFESIONALISME DI BAWAH CITP

3. Sebagaimana kita sedia maklum, CIDB sebagai pengawal selia industri pembinaan di bawah Akta 520 telah diberi mandat untuk membangunkan industri pembinaan Malaysia menjadi sektor pembinaan bertaraf antarabangsa dan mampu bersaing di dalam industri tempatan dan juga arena global.
4. Program Transformasi Industri Pembinaan 2016-2020 (CITP), di bawah bidang fokus keselamatan telah menggariskan langkah-langkah untuk meningkatkan amalan keselamatan di tapak binaan. Ini bagi mencapai sasaran mengurangkan bilangan kemalangan dan kematian di tapak binaan sebanyak 10% setiap tahun bermula 2021 dengan berdasarkan statistik tahun 2020.
5. Untuk mencapai matlamat ini, beberapa inisiatif sedang dilaksanakan di bawah CITP bagi menerapkan budaya kualiti, keselamatan dan profesionalisme di kalangan penggiat industri pembinaan. Antaranya adalah Pindaan Akta 446 iaitu Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990, bagi memasukkan industri pembinaan, enakmen peraturan Occupational Safety and Health in Construction (Management) OSCHCIM di bawah Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan 1994 (OSHA), latihan dan pengeluaran lebih ramai Pegawai Keselamatan dan Kesihatan dan Penyelia Keselamatan tapak bina yang lebih ramai untuk industri pembinaan, dan juga penerbitan Construction Industry Standard on Occupational Safety and Health Specification and Bill of Quantities for Construction Works (CIS 27:2019)

Para hadirin sekalian,

PELAKSANAAN SHASSIC DALAM INDUSTRI PEMBINAAN

6. Kes-kes yang menjelaskan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tapak bina sering berpunca daripada kurangnya kesedaran, persekitaran yang tidak selamat dan sikap sambil lewa dalam mematuhi peraturan dan garis panduan keselamatan seperti yang ditetapkan di dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Perkerjaan (OSHA)
7. Justeru itu, CIDB telah bekerjasama dengan beberapa agensi berkaitan seperti Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Master Builders Association (MBAM) telah memperkenalkan *Safety And Health Assesment System In Construction* atau singkatannya SHASSIC pada tahun 2008.
8. SHASSIC membolehkan prestasi keselamatan dan kesihatan kontraktor dalam sesebuah projek ataupun aktiviti pembinaan dinilai secara objektif. Dengan SHASSIC, CIDB boleh menanda aras prestasi OSH dan mempunyai sistem yang standard untuk penilaian OSH dalam industri pembinaan.
9. Penilaian SHASSIC dilaksanakan berdasarkan tiga komponen iaitu :-
 - I. Semakan dokumen dan rekod
 - II. Pemeriksaan tapak bina
 - III. Temuduga pekerja
10. Skor SHASSIC akan diberikan mengikut penilaian yang dibuat berdasarkan tiga komponen tersebut. Projek yang menerima skor 50% dan ke atas akan menerima penarafan satu bintang ke lima bintang, manakala skor 49% dan kebawah akan menerima sijil penglibatan.
11. Berpandukan skor ini, penggiat industri juga boleh mengenal pasti tahap amalan OSH mereka. Bagi membantu penggiat industri menambah baik amalan OSH,

beberapa latihan khusus atau tindakan pembetulan boleh diaturkan bagi membantu kontraktor dan pekerja mereka memperbaiki pengurusan keselamatan dan kesihatan di tapak bina. Melalui usaha ini, adalah diharapkan keskes kemalangan dalam pembinaan boleh dikurangkan dan kualiti serta kesejahteraan sumber manusia yang bekerja dalam industri ini dapat dipertingkatkan.

12. Penilaian SHASSIC ini dilaksanakan berdasarkan standard industri pembinaan CIS 10:2008, yang kini telah ditambahbaik sebagai CIS10:2018. Standard versi terbaru ini telah diterbitkan oleh CIDB dan dibangunkan bersama dengan Jawatankuasa Teknikal mengenai Keselamatan dan Kesihatan Tapak Bina yang dianggotai JKR, JKPP, MBAM, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB), Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd (MRTCorp), MMC Gamuda KVMRT, Sunway Construction Sdn. Bhd. dan Sysnovate Solution Sdn. Bhd.
13. Majlis pada hari ini sememangnya amat signifikan kerana syarikat-syarikat yang mendapat penarafan 5 bintang akan diberi pengiktirafan dan diraikan sebagai peneraju amalan OSH di dalam industri ini. Pencapaian ini membuktikan bahawa kecemerlangan dalam OSH di tapak bina bukanlah satu perkara yang mustahil. Ia sememangnya satu perkara yang boleh dicapai dan wajar menjadi aspirasi kepada setiap penggiat industri di dalam melaksanakan projek-projek pembinaan mereka. Saya berharap majlis pada hari ini akan menjadi pembakar semangat bagi rakan-rakan industri di luar sana untuk mempertingkatkan amalan OSH mereka, tampil mendapatkan penilaian SHASSIC dari CIDB dan seterusnya mendapat pengiktirafan seperti 40 kontraktor yang kita raikan pada hari ini.
14. Untuk pengetahuan semua, CIDB tidak mengenakan sebarang caj untuk penilaian SHASSIC ini. Oleh itu, saya menggalakkan supaya lebih ramai lagi kontraktor melaksanakan penilaian ini ke atas tapak projek mereka.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

Sistem Industri Pembinaan (CIS) 27:2019

15. Pada majlis ini, CIDB juga akan memperkenalkan **Standard Industri Pembinaan (CIS) 27:2019 Occupational Safety And Health – Specification And Bill Of Quantities (BQ) For Construction Works**. Standard CIS 27:2019 merupakan sebahagian daripada usaha CIDB dan rakan industri untuk memastikan amalan keselamatan dan kesihatan kerja pembinaan selaras dengan komponen-komponen yang digariskan dalam Akta dan Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA 1994), Akta dan Peraturan Kilang dan Jentera (FMA 1967), Akta 520, CIS 15:2019 dan sebagainya.
16. **CIS 27:2019** ini telah dibangunkan oleh CIDB pada tahun 2019 dengan usahasama agensi kerajaan seperti JKR, JKPP, LLM dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan persatuan industri pembinaan seperti MBAM, Royal Institute of Surveyors (RISM), Persatuan Arkitek Malaysia (PAM), Association of Consulting Engineers Malaysia (ACEM) dan Real Estate and Housing Developers Association (REHDA).
17. Dokumen CIS 27:2019 memperincikan komponen-komponen utama dalam pengurusan Keselamatan dan Kesihatan pekerjaan (OSH) di tapak bina, supaya ia dapat dijadikan panduan bagi penyediaan Bill of Quantities OSH di dalam projek pembinaan. Antara lain, dokumen tersebut menerangkan keperluan membentuk satu Polisi OSH, latihan dan promosi OSH, pengurusan jentera, pekakas dan bahan, kesediaan kecemasan, pengurusan siasatan, laporan dan rekod kemalangan, serta pemantauan prestasi.
18. Saya berharap dengan pelancaran CIS 27:2019 ini dapat membantu para penggiat industri menentukan dan memasukkan keperluan keselamatan dan kesihatan di dalam BQ tender projek pembinaan yang akan dilaksanakan di masa akan datang.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

Penutup

19. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua rakan industri yang telah sama-sama menggembangkan tenaga dan berkongsi pengetahuan di dalam membangunkan SHASSIC iaitu CIS10:2018 dan juga CIS27:2019 ***Occupational Safety And Health – Specification And Bill Of Quantities (BQ) For Construction Works.***
20. Bagi para penggiat industri yang bakal kita raikan pada hari ini, tahniah atas kejayaan anda memperoleh penarafan 5 bintang di dalam penilaian SHASSIC. Saya berharap agar anda semuakekalkan komitmen ini dan turut memberi galakan kepada rakan-rakan industri yang lain untuk mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan dalam aktiviti pembinaan.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.